

***Catfish* dan Jenayah Cinta Alam Maya:**

Kajian Kes ke atas Ibu Tunggal di Kota Kinabalu, Sabah

Mohd Hanafi Bin Jumrah* & Aisah Hossin**

Abstrak: Kisah cinta alam maya seringkali menghiasi berita dan surat-surat khabar tempatan. Kepesatan teknologi bukan sahaja membuka ruang dan peluang dengan lebih mudah kepada pelbagai lapisan masyarakat dari aspek komunikasi dan kehidupan harian malah ianya juga membuka peluang kepada si pendamba cinta untuk mendapatkan cinta sejati seperti yang diimpikan. Penggunaan media sosial sebagai satu platform untuk bersuai kenal telah menjadi satu trend yang akhirnya memerangkap diri sehingga menjadikan ibu tunggal sebagai mangsa individu yang digelar *catfish*. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti siapa sebenarnya yang digelar sebagai *catfish* dan mengenalpasti bagaimana ibu tunggal boleh terjebak dan seterusnya menjadi mangsa jenayah cinta alam maya. Data diperolehi melalui temu bual secara mendalam dan pemerhatian di lapangan ke atas lima belas orang informan (ibu tunggal) yang memiliki pengalaman sebagai mangsa *catfish*. Dapatan kajian mendapati medium utama yang digunakan oleh *catfish* dalam memerangkap ibu tunggal adalah aplikasi *Facebook* dan modus operandi yang digunakan adalah perhatian dan cinta sementara sehingga mangsa sanggup memenuhi kehendak dan impian si *catfish* dengan rela dan akhirnya mengundang penyesalan kepada diri sendiri.

Kata Kunci: *Catfish*, jenayah cinta alam maya, ibu tunggal, mangsa cinta, media sosial

*Mohd Hanafi Bin Jumrah, School of Communication and Media, Han Chiang University College of Communication. Email: hanafi@hju.edu.my

**Aisah Hossin, Borneo Institute for Indigenous Studies, Universiti Malaysia Sabah. Email: aisahhossin87@gmail.com

PENDAHULUAN

Media sosial memberi ruang dan peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk saling mempercepatkan perkongsian maklumat, mencari kenalan baru dan lama serta menjadikannya sebagai platform untuk berniaga dan menambahkan pendapatan (Mohd. Noorhadi dan Zurinah, 2017; Faradillah et al., 2015). Media sosial dilihat sebagai salah satu daripada kemajuan teknologi informasi dan komunikasi yang sangat memainkan peranan penting dalam kehidupan pada masa kini. Walaupun pada asasnya media sosial dijadikan sebagai satu medium yang positif dan dapat membantu dari pelbagai aspek, namun penyalahgunaan terhadap media sosial kerap berlaku sehingga ianya mengundang pelbagai masalah kepada masyarakat.

Media sosial boleh didefinisikan sebagai satu platform untuk membina profile, membuat eksplisit dan perhubungan (Boyd dan Ellison, 2008). Media sosial seperti aplikasi *facebook*, *wechat*, *whatsapp* dan *twitter* pada dasarnya dicipta untuk memudahkan lagi jaringan perhubungan tidak kira pada jarak yang dekat atau jauh asalkan memiliki rangkaian internet. Antara tujuan atau peranan utama yang menjadikan media sosial sebagai nadi kehidupan masyarakat selai daripada untuk mendapatkan maklumat adalah untuk membentuk persahabatan. Ini kerana melalui media sosial, pengguna dan pengguna lain berupaya untuk mengetahui dan mengikuti perkembangan aktiviti dan kehidupan sesiapa sahaja yang mereka ingini (Siti Ezaleila, 2016).

Keadaan ini secara tidak langsung telah memberi ruang kepada sesiapa sahaja untuk menjadi *catfish* atau menjadi mangsa alam maya. *Catfish* boleh didefinisikan sebagai seseorang yang membuat profile palsu untuk berhubung dengan individu dan mengumpan mereka melalui hubungan atas talian (Consumers International, 2019). Oleh itu, dengan hanya menggunakan mekanisme hubungan persahabatan sebagai asas kepada pembinaan hubungan baru dan seterusnya memupuk kepercayaan serta beralih dari sosial media kepada media yang lain seperti telefon dan pesanan segera (Yang et al., 2013) menyebabkan seseorang itu menjadi mangsa *catfish*. Tempoh perkenalan yang singkat tetapi disulami dengan elemen kepercayaan dan ingin mengenali dengan lebih rapat menjadi tiket kepada *catfish* untuk memulakan langkah memasuki kehidupan mangsa sehingga menyumbang kepada jenayah alam maya.

Jenayah alam maya menjadi sesuatu yang semakin membimbangkan banyak pihak dan menjadi tanda tanya bukan sahaja di kalangan masyarakat tetapi para sarjana di dalam mengurangkan dan mencari solusi untuk membantu para pengguna media sosial agar lebih berhati-hati semasa menggunakan laman maya atas pelbagai tujuan yang boleh mendedahkan mereka kepada golongan *catfish*. Rentetan itu juga, peningkatan terhadap bilangan mangsa yang terdiri daripada golongan ibu tunggal menambahkan lagi kegusaran ini. Hal ini kerana, kebanyakan golongan ibu tunggal berusia pertengahan dilaporkan cenderung menjadi mangsa sindiket penipuan *love scam* atau jenayah cinta alam maya yang didalangi oleh lelaki warga asing (Bernama, 2016).

Justeru, pengetahuan terhadap siapa itu *catfish* dan modus operandi yang biasa digunakan untuk memerangkap mangsa khususnya ibu tunggal perlu diteliti bagi membantu golongan ini mendapat gambaran serta cara untuk mengurangkan risiko daripada menjadi mangsa dan lebih bijak dalam mengendalikan situasi yang akan berlaku kelak. Ibu tunggal dijadikan sebagai fokus kajian ini disebabkan kekerapan ibu tunggal yang menjadi mangsa dalam jenayah cinta alam maya (mStar, 2016). Tambahan lagi kajian Azianura Hani et al. (2018) menegaskan bahawa wanita memiliki peratusan yang lebih tinggi untuk terdedah kepada jenayah cinta alam maya berbanding dengan lelaki. Keadaan ini menjadikan kajian ini penting untuk mengisi kelompangan yang ada dalam mengurangkan peningkatan jenayah cinta alam maya dan seterusnya menurunkan jumlah statistik sedia ada dari semasa ke semasa.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, objektif utama yang dibincangkan adalah (i) mengenalpasti siapa sebenarnya yang digelar sebagai *catfish* pada era teknologi ini dan (ii) mengenalpasti bagaimana ibu tunggal boleh terjebak dan seterusnya menjadi mangsa jenayah cinta alam maya. Kajian ini dilakukan ke atas ibu tunggal yang telah menjadi mangsa jenayah cinta alam maya sehingga terpaksa menanggung beban hutang serta terganggu dari aspek psikologi. Penelitian terhadap tindakan dan tindak tanduk *catfish* semasa mendekati mangsa dan berupaya memperdayai mereka dilihat sebagai satu bentuk pendekatan yang holistik untuk memberi

pengajaran kepada wanita lain khususnya di kalangan ibu tunggal sendiri dan generasi Z untuk lebih berhati-hati dan menggunakan alat telekomunikasi dengan lebih bijak dan berhemah.

METODOLOGI KAJIAN

Penelitian ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dilakukan di Kota Kinabalu yang melibatkan lima belas orang informan pada tahun 2018 menggunakan kaedah temu bual mendalam menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Informan yang dipilih adalah dari kalangan ibu tunggal yang telah melalui pengalaman terlibat di dalam jenayah cinta alam maya. Selain itu, pemerhatian turut serta turut digunakan bagi membantu mendapatkan maklumat berkenaan dengan jenayah cinta alam maya dari perlbagai sudut seperti persekitaran dan keadaan mangsa itu sendiri dalam mengharungi dugaan yang menimpa diri mereka sebagai mangsa jenayah cinta alam maya. Selain itu, bagi menyokong dapatan kajian, sumber sekunder turut digunapakai dalam kajian ini.

Kota Kinabalu dijadikan kawasan kajian ini kerana Kota Kinabalu merupakan ibu negeri bagi Sabah, lebih terbuka dan mendapat pendedahan yang lebih utama melalui kepesatan teknologi khususnya telefon pintar berbanding di kawasan-kawasan yang lain. Temu bual secara bersemuka bersama informan telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan objektif kajian seperti bagaimana mereka boleh terjebak, aplikasi yang digunakan untuk berhubung, cara *catfish* untuk memperdaya dan juga kesan jenayah cinta alam maya kepada mereka.

Temu bual dilakukan di kawasan rumah informan bagi mewujudkan suasana selesa kepada informan. Durasi temu bual adalah lebih kurang 45 hingga 65 minit dan bahasa yang digunakan adalah Bahasa Melayu dengan menggunakan alat perakam suara atas persetujuan daripada informan. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan analisis tematik seperti yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006) untuk menjawab objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Daripada analisis tematik yang dilakukan, terdapat dua dapatan kajian yang utama diperoleh bagi mencapai objektif kajian. Ini termasuklah, (i) cinta dan *catfish* dalam jenayah cinta alam maya dan (ii) *Facebook* sebagai modus operandi jenayah cinta alam maya.

CINTA DAN *CATFISH* DALAM JENAYAH CINTA ALAM MAYA

Bila bercakap berkenaan dengan cinta, terdapat pelbagai definisi dan perspektif yang akan dikeluarkan oleh pelbagai jenis lapisan manusia tidak kira agama, bangsa dan juga warna kulit. Ianya bersifat subjektif dan menjadi satu keperluan di dalam kehidupan. Ini kerana cinta bukan hanya tertumpu kepada perasaan di antara berlawanan jantina atau sebaliknya, tetapi meliputi perasaan kasih sayang yang diberikan kepada individu yang lain sehingga diri sendiri berusaha sehabis daya untuk membahagiakan orang-orang yang dicintainya itu. Tambahan lagi cinta boleh menjadi satu kuasa yang memungkinkan sesuatu kehendak mereka yang dicintai tertunai sehingga boleh mengetepikan kehendak diri sendiri (Nurulwahidah et al., 2015).

Disebabkan cinta itu bersifat subjektif dan akhirnya boleh mengundang kepada pengetepian kehendak diri, maka jenayah cinta mula mengambil tempat bagi memenuhi kelompangan rasa yang ada di dalam diri individu. Walaupun cinta pada dasarnya membahagiakan, namun pentafsiran dan tindakan yang kurang bijak boleh mengundang kepada jenayah sehingga *catfish* melihat setiap tafsiran dan tindakan tersebut sebagai peluang untuk mendapatkan kesenangan dengan cara yang mudah. Sejajar dengan itu, dapat dilihat bahawa jenayah cinta alam maya yang didalangi oleh *catfish* semakin menjadi-jadi dan sering menghiasi dada-dada akhbar dan berita tempatan.

Ini diperkukuhkan dengan beberapa kajian daripada sarjana seperti Ahmad Safwan et al. (2015); Rege (2009) dan Grudgings (2014), mendapati bahawa jenayah cinta alam maya di Malaysia lebih cenderung melibatkan warganegara Nigeria dan pada tahun 2016, jenayah cinta alam maya yang melibatkan *catfish* adalah sebanyak 2,497 kes dengan anggaran kerugian hampir mencecah sebanyak RM 100 milion. Keadaan

ini mengalami peningkatan setiap tahun yang mana sejak tahun 2014, 1,026 kes telah dilaporkan dengan kerugian sebanyak RM 52.8 milion dan diikuti pada tahun 2015, meningkat kepada 1,841 kes dengan catatan kerugian sebanyak RM 63 milion (Audrey, 2017).

Catfish telah menggunakan segala maklumat yang ada di dalam media sosial mangsa dengan sebaiknya dan menjadikan maklumat-maklumat tersebut sebagai satu laluan untuk mendekati mangsa dengan lebih rapat lagi. Justeru, kesedaran terhadap siapa dan bagaimana *catfish* bertindak memberi satu langkah awal kepada semua pengguna media sosial khususnya golongan ibu tunggal dan wanita agar lebih berhati-hati semasa menggunakan media sosial mereka. *Catfish* boleh didefinisikan sebagai individu yang menggunakan identiti kedua (Aisha, 2013) untuk menarik perhatian mangsa jenayah cinta alam maya dengan memberikan bayangan yang sempurna kepada lawan bicaranya.

Ini secara tidak langsung menjadikan mangsa lebih cepat selesa dan menaruh harapan dan kepercayaan yang tinggi kepada *catfish* walaupun belum pernah bersua muka. Jenayah cinta siber ini merupakan hubungan romatik yang terjalin di antara dua individu dengan adanya sasaran jumlah kewangan tertentu daripada *catfish* (Koon dan Yoong, 2013). Pada dasarnya, perbuatan *catfish* ini adalah untuk memerangkap mangsa bagi mendapatkan duit dengan cara yang mudah dan tidak dapat dikesan oleh mangsa dan hanya disedari oleh mangsa apabila *catfish* menukar cara komunikasi mereka ke arah memutuskan hubungan. Contohnya, dengan cara menutup akaun media sosial atau menyekat mangsa daripada berhubung terus dengan mereka (*catfish*).

Walau bagaimanapun, tindakan dan cara layanan *catfish* yang dilihat sebagai individu yang baik, penuh perhatian, memahami dan akhirnya membawa kepada perasaan cinta telah menyakinkan mangsa bahawa mereka telah menemui pasangan yang terbaik untuk mengisi kekosongan hati mereka. Ini diperkukuhkan dengan pandangan informan:

“...dia seperti tahu dan memahami perasaan saya...dia tahu apa yang saya mahu dan sentiasa ada ketika saya perlukan teman untuk bercakap...ada masa dia akan bagi saya nasihat dengan lembut dan memberi kata-kata semangat setiap kali saya meluahkan masalah saya...itu yang menyebabkan saya rasa selesa dengannya sehingga perasaan sayang ada...” (I5, 35 tahun).

Situasi ini menyebabkan mangsa terleka dengan perasaan sendiri dan akhirnya masuk ke dalam perangkap *catfish*. Jangka masa yang diperlukan oleh seorang *catfish* dalam memerangkap mangsa adalah dalam lingkungan seawal tiga hingga lima bulan sahaja. Bermula daripada salam perkenalan untuk hanya sekadar suka-suka, *catfish* mula menjalankan peranan sebagai individu yang memahami serta mengeluarkan kata-kata yang manis sehingga dengan mudah dapat menyakinkan mangsa ianya merupakan satu perhubungan yang serius dan akan membawa kearah perkahwinan. Ini diperkukuhkan dengan pandangan informan:

“...saya berkenalan dengan Micheal ndak juga terlampau lama...baru juga dalam dua tiga bulan tapi cara dia layan dan perhatian yang dia berikan buat saya selesa dan dihargai...suami saya dulu pun tiada buat apa yang dia buat...dia dengar semua luahan saya dia pandai pujuk masa saya merajuk walaupun hanya dengan panggilan telefon atau chat biasa...dia juga selalu berikan saya kata-kata untuk ke arah hubungan yang lebih serius dan kahwin...semua ciri-ciri yang saya suka dia ada...” (I13, 45 tahun).

Justeru, tanpa disedari, pakej-pakej sempurna yang cuba dipertontonkan oleh *catfish* kepada mangsa telah menarik mangsa secara perlahan-lahan untuk semakin dekat dan percaya kepada mereka.

FACEBOOK SEBAGAI MODUS OPERANDI JENAYAH CINTA ALAM MAYA

Jenayah cinta alam maya telah menjadi satu fenomena sosial yang boleh mengundang pelbagai masalah dan kerugian bukan sahaja kepada mangsa itu sendiri tetapi juga kepada masyarakat di sekelilingnya. Melalui bantuan teknologi yang menjadi satu mekanisme baru dalam medium perhubungan yang semakin pesat membangun telah berjaya mendapat tempat di hati masyarakat dari pelbagai peringkat usia. Ia bukan sahaja digunakan sebagai alat perhubungan untuk memudahkan dan mempercepatkan lagi perkongsian maklumat berlaku tetapi ia turut menjadi tempat untuk meluahkan rasa dan mempamerkan kebutuhan diri serta kehidupan peribadi.

Kepesatan teknologi ini bukan sahaja memberikan satu inovasi baru kepada pengguna tetapi turut digunakan dengan sebaiknya oleh para penjenayah dalam melakukan jenayah cinta alam maya. Daripada sorotan literatur dan analisis kajian serta pemerhatian yang dilakukan mendapati bahawa aplikasi utama yang digunakan oleh mangsa dan *catfish* dalam melakukan perhubungan sosial secara maya adalah melalui aplikasi *Facebook* (FB). Penggunaan aplikasi FB yang lebih mudah untuk difahami dan cepat menjadikan aplikasi ini lebih banyak digunakan dan dijadikan sebagai satu medium perhubungan untuk mencari kawan lama dan baru dengan lebih mudah dan cepat.

Tambahan lagi, kecenderungan mangsa yang suka meluahkan dan berkongsi kehidupan mereka secara terbuka memberi peluang kepada *catfish* untuk lebih memahami corak keperibadian mangsa dan menggunakan data yang ada untuk lebih rapat dengan mangsa. Ini diperkukuhkan dengan pendapat informan:

“...dia seolah-olah tahu semua benda berkaitan dengan diri saya...dia tahu apa kesukaan saya apa yang saya tidak suka...dia membuatkan diri saya dihargai dan disayangi...dia seorang yang matang dan pendengar yang setia...dia jug romantik dan selalu cakap yang lembut-lembut pada saya...tambah lagi dia tahu banyak pasal saya dan membuatkan saya seperti sudah kenal dia lama...”
(I10, 39 tahun).

Keadaan ini secara tidak langsung memberi kondisi yang selamat, tenang dan perasaan disayangi oleh mangsa. Walaupun pada asalnya, mangsa hanya berkenalan dan berbual secara bebas dengan *catfish* tanpa ada apa-apa komitmen atau menjalani satu perhubungan yang serius tetapi perkongsian masalah dan cerita menjadikan mereka semakin rapat dan selesa di antara satu dengan lain. Analisis kajian turut menunjukkan bahawa, FB dijadikan sebagai medium utama perhubungan di antara *catfish* dan mangsa disebabkan oleh kemudahan aplikasi ini yang boleh dilihat dan digunakan dengan bebas oleh sesiapa dan di mana sahaja sahaja termasuk di dalam dan di luar negara tanpa ada sekatan. Aplikasi FB yang mesra pengguna dan tempat untuk menambah kenalan dilihat sebagai lubuk emas oleh *catfish* untuk mendapatkan kesenangan dengan mudah. Ini disokong dengan pernyataan informan:

“...pada asalnya cuma accept sebagai kawan dan berbual biasa...lama kelamaan jadi selesa dan terus berhubung...kenal pun sebab dia yang mulakan dulu dan tidak rasa apa-apa sebab dari negara lain jadi hanya sangka itu cuma untuk suka-suka...tidak tahu macam mana dia boleh dapat fb saya...” (I1, 38 tahun).

Didapati bahawa, setelah menjadi ibu tunggal, FB merupakan satu aplikasi media yang mereka jadikan peneman untuk meluahkan perasaan dan berkenalan dengan ramai orang. Justeru, apabila ada individu yang menawarkan diri untuk berkenalan secara rapat, mereka tanpa ragu menerima perlawaan tersebut. Ini disokong dengan pernyataan informan:


“...saya rasa sunyi dan perlukan kawan untuk berbual dan berkongsi masalah saya...ada masa saya perlukan seseorang untuk mengisi kesunyian hati saya...iya saya ada anak yang perlu dijaga dan diberi perhatian dan masa saya tertumpu kepada mereka tetapi ada juga masa-masa tertentu saya rasa tertekan dan sedih sebab itu saya aktif di FB dan mula mengupdate setiap pergerakan saya...apa saya makan apa saya buat saya pergi mana...saya berkawan dengan semua orang dan accept sesiapa yang mahu berkawan dengan saya...” (I3, 41 tahun).

Ini turut diperkukuhkan dengan pernyataan informan yang lain:

“...kalau dulu tiada masa pun mau aktif adalah tengok sekejap lepastu minggu depannya baru tengok lagi kadang cuma tengok sepintas lalu sahaja sebab mau jaga anak, suami lagi tetapi sejak jadi ibu tunggal, anak-anak pun ada aktiviti mereka sendiri di sekolah, bermain dengan kawan jadi saya tidak tahu sudah mahu buat apa selain scroll tu FB...kawan-kawan banyak kasi nasihat dan buka minda saya untuk kasi cantikkan diri dan saya mula berjolak dengan FB dan media sosial sambil search tentang produk kecantikan...” (I2, 31 tahun).

Keadaan ini secara tidak langsung memberi ruang kepada *catfish* untuk mudah mendekati dan seterusnya menjadikan mereka sebagai sasaran. Analisis daripada dapatan kajian dan pemerhatian di lapangan

mendapati bahawa kronologi jenayah cinta alam maya yang terjadi di antara ibu tunggal dan *catfish* boleh disimpulkan seperti carta alir 1.1:



Carta Alir 1.1: Kronologi Jenayah Cinta Alam Maya

PERBINCANGAN

Daripada penelitian dan analisis yang dilakukan, dapatan kajian menunjukkan persekitaran sosial menjadi salah satu faktor utama yang menyebabkan ibu tunggal seringkali menjadi mangsa jenayah cinta alam maya disebabkan oleh persekitaran sosial dan tarikan interpersonal yang dimiliki oleh pemangsa (*catfish*). Kesunyian, didapati menjadi pendorong paling utama kepada ibu tunggal untuk aktif di media sosial seperti FB. Walaupun pada dasarnya, ibu tunggal memiliki tanggungjawab dalam menjaga dan membesarkan anak-anak secara bersendirian tanpa pasangan, namun mereka tidak dapat menolak daripada turut merasa sunyi selain merasakan bahawa keperluan untuk mencari pasangan hidup yang boleh menjaga mereka dan anak-anak itu masih ada.

Ini menjadikan ibu tunggal terdorong untuk mencari satu platform baru untuk melepaskan tekanan dan kesunyian mereka dan cara yang

dilihat lebih mudah dan efektif adalah melalui media sosial. Ini kerana, media sosial membolehkan mereka meluahkan perasaan mereka secara bebas dan seterusnya mendapat tindak balas secara langsung daripada kenalan mereka. Tambahan lagi pemaparan konsep kebahagiaan yang ditonjolkan oleh rakan-rakan dan masyarakat di sekitar mereka melalui media massa menjadikan ibu tunggal ingin merasakan kebahagiaan yang sama dan berusaha keras ke arah perhubungan yang serius dengan *catfish*. Dengan berlandaskan kepada pujuk rayu dan kata-kata manis, *catfish* berjaya memujuk mangsa untuk melaburkan sejumlah wang kepada *catfish* tanpa ada perasaan ragu-ragu.

Selain itu, pengalaman sendiri yang dialami oleh ibu tunggal di dalam perhubungan yang lepas tidak mematahkan semangat mereka untuk terus mencari pasangan yang terbaik dan mampu menjadi penjaga serta pembimbing mereka di masa depan. Sehubungan itu, kebanyakan informan kajian bersetuju bahawa mereka perlu meneruskan kehidupan dan mencari dan melakukan sesuatu perkara yang boleh membuatkan mereka berasa gembira. Melalui tarikan interpersonal yang dipertontonkan oleh *catfish* secara maya, didapati bahawa semasa informan berkomunikasi dengan *catfish*, mereka bukan sahaja berinteraksi dalam keadaan menyampaikan isi pesanan yang mereka ingin sampaikan tetapi dalam masa yang sama mereka sebenarnya sedang menentukan kadar perhubungan di antara mereka.

Ini menjadikan mereka secara tidak langsung lebih rapat dan berkongsi banyak cerita sehingga tanpa disedari ia membuka peluang kepada *catfish* untuk lebih mudah dan cepat melaksanakan misi mereka. Tarikan interpersonal seperti tarikan fizikal yang membolehkan mangsa tertarik dengan rupa paras yang ditonjolkan oleh *catfish* menerusi gambar profil mereka di FB memberikan bayangan yang sempurna kepada mangsa. Wajah dilihat sebagai alat komunikasi visual (Freddy, 2000) yang dapat memainkan peranan penting dalam menarik orang lain untuk berinteraksi dan merasa selesa dengan mereka. Ini kerana, walaupun wajah dipamerkan secara kaku namun mimik muka yang dipamerkan oleh seseorang individu khususnya *catfish* mampu menarik minat mangsa untuk lebih bersikap terbuka dan tertarik dengan mereka sehingga mereka berhubung dengan lebih rapat dan memberikan banyak pelaburan ke atas hubungan tersebut seperti masa, perasaan, emosi dan wang ringgit.

Tarikan interpersonal kedua adalah dari aspek tarikan kemampuan dan kesamaan, dapatan kajian mendapati bahawa mangsa cenderung untuk tertarik dengan seseorang yang mempunyai peribadi, minat, sikap, nilai dan latar belakang yang sama. Tarikan kesamaan ini diperlihatkan oleh *catfish* dengan mereka-reka cerita sama dengan informan untuk menarik minat informan untuk meneruskan perbualan dengan mereka. Selain itu, *catfish* juga seringkali dilihat cuba mempamerkan situasi yang sedih dan meraih simpati dengan berkongsi pengalaman dan keadaan diri mereka yang malang dan perlukan sokongan serta perhatian. Contohnya menipu mangsa bahawa ibu mereka menghidap penyakit kanser dan sudah berada pada tahap yang keempat dan mereka pernah melalui kegagalan dalam percintaan atau perkahwinan berulang kali pada masa lalu.

Selain itu, keserasian di antara mangsa dan *catfish* turut diwujudkan dengan menunjukkan perkongsian minat, sikap, keperibadian dan latar belakang pengalaman yang sama dengan mangsa. Tambahan lagi, di awal perkenalan, *catfish* cuba untuk mempamerkan kepada mangsa bahawa mereka merupakan individu yang berjaya dan memiliki status kewangan yang baik dan sudah stabil serta bersedia untuk mendirikan rumahtangga dengan mangsa. Kepercayaan yang diperoleh daripada mangsa menjadikan *catfish* semakin berani untuk mengorak langkah seterusnya dengan mencipta pelbagai situasi untuk meraih simpati mangsa dan menggalakkan mangsa untuk memindahkan wang ke akaun bank mereka. Walaupun pada hakikatnya, mangsa tidak memiliki sejumlah wang yang diminta oleh *catfish*, tetapi demi ikatan perhubungan dan janji manis daripada *catfish*, mangsa telah berusaha sehabis daya mereka untuk mencukupkan jumlah wang yang diperlukan dan menghantarnya kepada *catfish*. Keadaan ini berlarutan sehingga mangsa terbeban dengan hutang sehingga menjurus kepada berlakunya pergaduhan dan *catfish* hilang tanpa dapat dijejaki oleh mangsa.

Terdapat banyak kajian lepas yang menyelidik tentang penggunaan media sosial atau media baharu. Antaranya, kajian kuantitatif oleh Hanafi, K. & Mohd Helmi Abd. Rahim (2017) yang meneliti faktor penggunaan media sosial dan pengaruhnya terhadap pembentukan gerakan pemimpin pelajar universiti di bandar Indonesia. Penemuan kajian menggariskan media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp*, *Twitter*, *Instagram* dan *Line* antara platform sosial yang kerap digunakan untuk

membentuk gerakan sosial. Kajian ini turut mendapati platform media sosial mempunyai kontribusi utama dalam pembentukan gerakan sosial dan memandu ke arah kehidupan berdemokrasi kumpulan mahasiswa.

Kajian tentang *How social is Twitter use? Affiliative tendency and communication competence as predictors* (2014) pula memberi hala tuju kepada kajian pada masa akan datang dengan memberi cadangan supaya menjalankan kajian tidak hanya berfokuskan kepada *Twitter* tetapi juga kepada penggunaan *Facebook* dan juga rangkaian media sosial yang lain. Dapatan kajian ini juga menyatakan rangkaian media sosial merupakan lanjutan hubungan komunikasi berbanding dengan dapatan yang menyatakan media sosial merupakan alternatif kepada hubungan bersemuka.

Kajian Mohd Zaidi & Bahiyah (2013) yang mendapati tiga motif yang mempunyai hubungan signifikan dengan kekerapan penggunaan *Facebook* iaitu merasa hebat berteman, menghiburkan dan mencari maklumat. Manakala motif menghiburkan dikenalpasti sebagai faktor penyumbang dominan yang signifikan kepada model regresi penggunaan *Facebook* dalam kajian ini. Limitasi yang terdapat dalam kajian ini adalah ia hanya mengukur satu medium rangkaian sosial sedangkan pelajar terdedah kepada pelbagai rangkaian media sosial tanpa sebarang had.

Kajian yang dijalankan oleh Ika Destiana dan rakannya Ali Salman dan Mohd Helmi (2013) mensasarkan 298 pelajar ijazah sarjana muda di Palembang, Indonesia yang berumur 17 sehingga 25 tahun. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa penerimaan media sosial dipengaruhi oleh beberapa faktor terutamanya faktor mudah guna, faktor kaitan dan rangkaian antara peribadi dan sosial.

Kajian yang dijalankan oleh Gitimu dan Sponcil (2012) menyimpulkan bahawa hampir kesemua pelajar menggunakan salah satu bentuk rangkaian sosial. Kajian turut mengenalpasti bahawa 99% pelajar menggunakan *Facebook*. Menurut pengkaji, mereka bersependapat dengan penemuan kajian yang ditemui oleh Lenhart et al, (2010) iaitu *Facebook* dikenalpasti sebagai rangkaian media sosial yang paling popular. Kajian ini menggunakan persampelan stratifikasi mengikut gender dan juga umur. Sebanyak 96 informan digunakan untuk menjawab *survey* atas talian bagi mengkaji penggunaan media sosial oleh pelajar

kolej dan kesan penggunaan media sosial terhadap komunikasi terhadap orang lain dan juga konsep pembentukan diri.

Rumusannya, kesemua kajian lepas menggunakan reka bentuk kuantitatif dan menggunakan borang soal-selidik bagi mencapai objektif kajian mereka dan hampir kesemua kajian menggunakan pelajar sebagai informan serta menggunakan kaedah persampelan tujuan atau purposif. Pendekatan yang dipilih pengkaji untuk kajian ini menonjolkan kelainan berbanding kajian kerana pemilihan kumpulan informan yang kecil sedangkan hasil penelitian kajian lepas mendapati menggunakan bilangan informan yang besar bagi reka bentuk kuantitatif.

KESIMPULAN

Persekitaran sosial dan tarikan interpersonal menjadi faktor penyumbang utama yang mendorong mangsa untuk terjebak di dalam jenayah siber. Analisis tematik yang dilakukan mendapati mangsa pada asalnya tidak sedar mereka sebenarnya sudah termasuk ke dalam jerat *catfish* sehinggalah *catfish* secara perlahan-lahan meninggalkan mereka dan memperdayakan mereka dengan janji manis. Selain itu, *Facebook* yang seharusnya digunakan untuk menjadi satu mekanisme perhubungan yang pantas dan mudah telah menjadi satu modus aplikasi utama untuk menjerat mangsa kerana aplikasi ini lebih mudah untuk dipelajari dan diterima pakai oleh seluruh dunia. Jenayah cinta alam maya siber jika tidak ditangani dengan sebaiknya akan menyebabkan lebih ramai lagi wanita khususnya ibu tunggal terjebak dan mengalami kerugian yang berlipat kali ganda bukan sahaja dalam bentuk perasaan tetapi juga wang ringgit dan masa. Justeru, kajian seperti ini dapat sedikit sebanyak membantu untuk memahami corak perlakuan *catfish* dan cara yang mereka gunakan untuk menjerat mangsa sehingga terpedaya. Ini secara tidak langsung boleh membantu meningkatkan keupayaan ibu tunggal untuk lebih bersedia dan bijak mengatur langkah agar tidak menjadi mangsa *catfish* yang seterusnya.

RUJUKAN

- Aisha Harris. (2013). Who Coined the Term “Catfish”? dalam <https://slate.com/culture/2013/01/catfish-meaning-and-definition-term-for-online-hoaxes-has-a-surprisingly-long-history.html> diakses pada 19 September 2019.
- Ahmad Safwan Hamsi, Farrah Diana Saiful Bahry, Siti Noraini Mohd Tobi dan Maslin Masrom. (2015). Cybercrime over Internet Love Scam in Malaysia: A Discussion on the Theoretical Perspectives, Connecting Factor and Keys to the Problem. *Journal of Management Research ISSN 1941-899X 2015, Vol. 7, No. 2.*
- Audrey Vijaindren. (2017). Love Scam: Spinning a Web of Deceit. *New Strait Times keluaran edisi 11 Jun 2017.*
- Azianura Hani Shaari, Yeap Yoke Peng, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2018). *Jenayah Cinta Siber*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bernama. (2016). Wanita dilanda krisis rumah tangga cenderung jadi mangsa ‘love scam’. *MStar edisi 14 September 2016.*
- Boyd, D. M., & Ellison, N. B. (2008). Social Network Sites: Definition, History, and Scholarship. *Journal of Computer-Mediated Communication, 13, 210-230.*
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). *Using Thematic Analysis in Psychology*. Qualitative Research in Psychology, 3 (2). Pp. 77-101. England: University of the West of England.
- Consumers International. (2019). Social Media Scams: Understanding The Consumer Experience to Create a Safer Digital World. Dalam <https://www.consumersinternational.org/media/293343/social-media-scams-final-245.pdf> diakses pada 02 Oktober 2019.
- Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, NurZakira Afnee Zakaria dan Nuraina Nabila Dundai Abdullah. (2015). Hubungan Penggunaan Media Sosial Dan Penerimaan Mesej Dakwah. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015 (2nd ICoMM) 16th – 17th November 2015, e-ISBN: 978-967-0850-25-2.*
- Freddy H. Istanto. (2000). Gambar Sebagai Alat Komunikasi Visual. *Jurnal NIRMANA Vol. 2, No. 1, Januari 2000: 23- 35.*
- Grudgings, S. (2014). American Women Targeted as Malaysia becomes Internet Scam Heaven Dalam <http://www.reuters.com/article/2014/07/08/us-malaysia-usa-scams-idUSKBN0FD2G920140708> diakses pada 10 September 2019.
- Koon, T.H. & Yoong, D. (2013). Preying on Lonely Heart: A Systematic Deconstruction of an Internet Romance Scammers Online Lover Persona. *Journal of Modern Languages 23 (1), 28-40.*
- mStar. (2016). Jenayah 'Cinta Siber' Membimbangkan. *mStar edisi 9 Mac 2016.*
- Mohd. Noorhadi Mohd. Yusof dan Zurinah Tahir. (2017). Kepentingan Penggunaan Media Sosial Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan IPTA. *Jurnal Sosial Sains dan Kemanusiaan (eBangi) Vol. 12, No. 3 (2017), 023 ISSN: 1823-884x.*

- Nurulwahidah Fauzi, Siti Nor Baya Yaacob, Syaimak Ismail dan Nasaruddin Yunus. (2015).
- Konsep Dan Perspektif Cinta Hakiki: Empat Pendekatan Cinta Dalam Mursyid Al-Syabab Oleh Bediuzzaman Said Nursi Dan Al-Ghazali Di Dalam Ihya Ulumuddin. *Prosiding Persidangan ICIC2015 (International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century) pada 6-7 September 2015 di Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, No. eISBN: 978-967-13705-0-6.*
- Rege, A. (2009). What's Love Got to do with it: Exploring Online Dating Scams and Identity Fraud. *International Journal of Cyber Criminology (IJCC)*, 3(2), 494-512.
- Siti Ezaleila Mustafa. (2016). Penggunaan Laman Sosial Dan Impaknya Terhadap Hubungan Persahabatan Dalam Talian. *Jurnal Komunikasi Jilid 32 (2) 2016: 65-81.*
- Yang, C., Brown, B.B. & Braun, M. T. (2013). From Facebook To Cell Calls: Layers Of Electronic Intimacy In College Students' Interpersonal Relationships. *New Media & Society 16 (1): 5-23. Doi 10.1177/1461444812472486.*